

Tentera mesti patuhi arahan dan disiplin — Dr M

ALUR SETAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, anggota pasukan tentera bukan sahaja perlu cekap, malahan mesti mematuhi arahan dan disiplin, sekiranya mahu mengekalkan kekuatan pasukan mereka.

Perdana Menteri mengingatkan, sebarang kelemahan disiplin dan perhubungan antara pegawai dan anggota tentera hanya akan memberi kesan buruk.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Pertahanan, berucap demikian selepas menyampaikan sayap dan stail penerbangan kepada 27 orang

juruterbang dan menerima enam pesawat baru PC7 di Pangkalan TUDM Kepala Batas di sini.

Beliau berkata, adalah penting untuk anggota tentera mengutamakan kejayaan pasukan mereka dari diri sendiri.

Ancaman

Katanya, untuk menjamin kejayaan Angkatan Tentera, mereka perlu menentukan Angkatan Tentera mempunyai penyusunan pentadbiran rapi dan disiplin yang ketat.

Beliau menegaskan, tanpa kedudukan itu, Angkatan Ten-

tera tidak akan dapat menjalankan tugas secara berkesan dalam menghadapi ancaman-ancaman musuh.

Para anggota tentera, tamabahnya, perlu memahami dan mematuhi susunan dalam Angkatan Tentera dan sumbangan setiap anggota untuk menjamin kejayaan menghadapi musuh negara.

Menurutnya, dalam penyusunan Angkatan Tentera, ada orang yang menjadi ketua dengan berbagai tahap pangkat dan yang lain-lain sebagai pengikut.

"Kita perlu mengawal perasaan dan diri serta mengeneipkan kepentingan sendiri untuk menentukan kejayaan Angkatan Tentera," kata Datuk Sri Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak mahu mempunyai Angkatan Tentera yang akan ditekankan apabila menghadapi ancaman musuh."

Beliau mengingatkan, dalam peperangan zaman moden, semua orang akan mengalami kesusahan jika peperangan tercetus dan bandar-bandar akan menjadi sasaran bom.

Katanya, apabila ini berlaku, khidmat rakyat termasuk anggota Tentera Udara, sangat diperlukan untuk mempertahankan negara.

"Hanya dengan mempunyai Angkatan Tentera yang tersusun saja kita dapat bergerak dengan berkesan."

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab Tentera Udara kini semakin berat dengan pembesaran dan perkembangan angkatan bersenjata di negara ini.

Katanya, negara menaruh harapan besar kepada Angkatan Tentera Udara dalam menghadapi ancaman serangan-serangan musuh.

Sementara itu, Pengarah Jualan Bahagian Asia dan Australasia, Syarikat Pilatus dari Switzerland, Encik Bruce Condell berkata, 38 lagi pesawat jenis itu akan tiba di Malaysia secara berperingkat-peringkat hingga Januari 1984.

TUDM menggunakan pesawat-pesawat baru itu untuk latihan, menggantikan pesawat-pesawat "Bulldog" dan "Cossna".

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5714
No. Penerimaan 31 / 86